INVENTORI BUDAYA ETNIK NEGERI SABAH

ETNIK DUSUN TATANA

LEMBAGA KEBUDAYAAN NEGERI SABAH
KEMENTERIAN PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR

BAB 1

PENDAHULUAN

1.0 Pengenalan

Dusun Tatana atau lazimnya disebut sebagai 'Tatana' merupakan salah satu daripada 79 sub etnik Kadazandusun di Sabah. Majoriti Dusun Tatana tinggal di daerah Kuala Penyu yang terletak di bahagian pedalaman negeri Sabah. Mereka menuturkan bahasa Dusun[1] iaitu Tatana.

Daerah Kuala Penyu terletak di kawasan barat daya negeri Sabah dan menghadap ke arah Laut Cina Selatan di sebelah barat. Salah satu keistimewaan daerah ini ialah ia menjadi pintu masuk utama menuju ke tanah besar negeri Sabah dari Wilayah Persekutuan Pulau Labuan.



Peta daerah Kuala Penyu dan negeri Sabah yang menunjukkan lokasi Inventori Budaya Etnik Dusun Tatana dijalankan.

[1] David C. Moody dalam Julie K. King and Wayne King, eds Language of Sabah: A Survey Report, 1997: m/s 328.

Daerah Kuala Penyu mempunyai sebuah daerah kecil iaitu Menumbok. Keluasan daerah Kuala Penyu adalah 45,326 hektar atau 112,000 ekar ataupun 453 kilometer persegi termasuk Daerah Kecil Menumbok yang keluasannya 19,166 hektar atau 42.3 peratus daripada jumlah keseluruhan keluasan daerah Kuala Penyu. Pentadbiran daerah Kuala Penyu terbahagi kepada empat mukim iaitu Mukim Sitompok, Mukim Kerukan, Mukim Bundu dan Mukim Mantabawan dengan jumlah kampung sebanyak 35 buah. Daerah Kecil Menumbok pula terbahagi kepada tiga mukim iaitu Mukim Kilugus, Mukim Tanjung Aru dan Mukim Mempakul dengan jumlah kampung sebanyak 21 buah.

Pada tahun 2000, penduduk daerah Kuala Penyu termasuk Daerah Kecil Menumbok dianggarkan berjumlah 16,558[2] orang. Pada tahun 2008, Pejabat Daerah Kuala Penyu telah melaporkan bahawa jumlah penduduk daerah tersebut ialah seramai 23,595 orang dengan komposisi mengikut etnik dan konsentrasi penempatan seperti berikut:

Etnik	**Jumlah**	**Peratus**	**Lokasi**
Dusun Tatana	7,885	32 %	Mukim Bundu dan Mukim Sitompok
Bisaya	6,981	28 %	Mukim Kilugus dan Kerukan
Brunei	6,380	26 %	Mukim Mempakul dan Mentabawan
Bajau	1,471	6 %	Mukim Sitompok
Kedayan	1,305	5 %	Mukim Melikai
Cina	488	2 %	Mukim Sitompok
Lain-lain	390	1 %	Berselerak
Jumlah	**23,595**	**100 %**	

Taburan etnik dan lokasi penempatan Dusun Tatana di Kuala Penyu[3].

[2] Buku Tahunan Perangkaan Tahun 2004.
[3] Sumber: Pejabat Daerah Kuala Penyu. Dikemas kini pada 23 Oktober 2008.

1.1 Objektif

Objektif inventori budaya Dusun Tatana ialah seperti berikut:

- Untuk menghimpun maklumat dan fakta budaya etnik dalam bentuk inventori budaya;
- Untuk menonjolkan keunikan dan kelainan ciri-ciri budaya Dusun Tatana;
- Untuk memberi peluang kepada Persatuan Kebudayaan Tatana Sabah (STCA) dan orang perseorangan menyumbang dan mengetengahkan maklumat-maklumat dan ciri-ciri budaya Dusun Tatana;
- Untuk menghasilkan dokumentasi budaya selaras dengan usaha-usaha pemuliharaan, promosi dan pengayaan rujukan budaya etnik-etnik yang terdapat di negeri Sabah; dan
- Untuk menyediakan rujukan budaya Dusun Tatana kepada pelbagai pihak.

1.2 Metodologi Inventori Budaya Etnik

Inventori budaya etnik ini adalah berasaskan maklumat yang dikumpulkan melalui usaha Persatuan Kebudayaan Tatana Sabah (STCA) dengan sendirinya. Metodologi yang digunakan melibatkan kajian bertulis, temu bual dan lawatan lapangan oleh jawatankuasa penyelidik yang dibentuk. Beberapa orang ketua masyarakat Dusun Tatana telah ditemu bual daripada kawasan Mukim Bundu dan Mukim Sitompok di daerah Kuala Penyu.

Inventori budaya etnik ini dijalankan sendiri oleh para pengkaji daripada Persatuan Kebudayaan Tatana Sabah (STCA) yang ditaja dan diselia oleh Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah. Inventori budaya ini telah dijalankan selama lebih kurang enam bulan iaitu dari bulan Februari hingga Julai 2010. Pelaksanaan kajian inventori budaya ini telah menghadapi beberapa limitasi seperi kekangan masa yang singkat, kekurangan tenaga pengkaji, kewangan dan kakitangan yang berpengalaman untuk menjalankan penyelidikan dan temu bual dengan informan.

BAB 2

LATAR BELAKANG ETNIK, TEMPAT DAN SEJARAH

Majoriti Dusun Tatana tinggal di daerah Kuala Penyu dan menetap di beberapa buah kampung seperti Kampung Bundu, Kampung Kayul, Kampung Menunggang, Kampung Gorowot, Kampung Melampai, Kampung Kiambor, Kampung Menumpang, Kampung Kiaru, Kampung Purun, Kampung Batu Linting dan Kampung Kelampun. Selain itu, terdapat juga penempatan kecil Dusun Tatana di Kampung Klias Kecil dan Kampung Tekuli di daerah Beaufort. Pada masa kini, Dusun Tatana telah tersebar di seluruh negeri Sabah seperti di daerah Membakut, Papar, Kota Kinabalu, Tuaran, Sandakan dan Tawau disebabkan oleh faktor penghijrahan ekonomi.

Dusun Tatana kaya dengan cerita-cerita lisan dan mempunyai legendanya yang tersendiri. Antara cerita lisan yang terkenal ialah *Sorita Boruruk, Sorita Batu Luang, Sorita Tabug Labi-Labi* dan *Sorita Batu Nousung. Sorita Boruruk* merupakan cerita mitos yang paling penting bagi etnik ini kerana ia berkaitan dengan cerita asal usul etnik serta nama-nama penempatan penting seperti Kampung Kosugira, Kampung Menunggang, Kampung Ginantung dan nama sungai seperti Sungai Limbutong.

PERPUSTAKAAN
DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA
CAWANGAN SABAH

Serumpun pokok rumbia yang terletak di pinggir Sungai Miang, Beaufort yang dikaitkan dengan mitos 'Sorita Tabug Labi' atau 'Sorita Tabug Labi-Labi'. Pokok rumbia tersebut ditanam sebagai tanda perjanjian di antara manusia dengan labi-labi ghaib yang telah menyelamatkan seorang anak lelaki daripada dibunuh oleh musuh yang berada di seberang sungai. Penduduk kampung terlibat serta keturunannya berjanji tidak akan membunuh atau menganiaya labi-labi. Sekiranya perjanjian tersebut dilanggar, maka dipercayai mereka akan jatuh sakit.

17.3 *Bolibag*

Bolibag merupakan sejenis pantun seperti *Mibobogoh*. Walau bagaimanapun, *Bolibag* dan *Mibobogoh* boleh dibezakan melalui alunan suara semasa menyanyikannya. Selain itu, *Bolibag* juga boleh diucapkan dalam pelbagai jenis majlis keramaian seperti majlis perkahwinan dan lain-lain. Keanggotaan *Bolibag* adalah bebas yang terdiri daripada ahli lelaki dan wanita yang akan menyanyi *Bolibag* bersama-sama.

Sekumpulan lelaki dan wanita yang sedang berbalas 'Bolibag' semasa upacara 'Moginum'.

17.4 *Badaup*

Badaup merupakan sejenis pantun atau nyanyian yang diungkapkan semasa Dusun Tatana mengetam padi. Nyanyian ini dilakukan untuk menghilangkan rasa penat dan bosan semasa aktiviti mengetam padi.

Sekumpulan lelaki dan wanita sedang berbalas 'Badaup'.

17.5 *Nandung*

Nandung merupakan sejenis nyanyian rakyat yang sering diungkapkan oleh kaum wanita Dusun Tatana yang sedang merindukan seseorang khususnya anak yang jauh daripada keluarga. *Nandung* biasanya dinyanyikan sebelum tidur ataupun waktu subuh sebelum bangkit daripada tidur.

Puan Diang Engol sedang menyanyikan Nandung.

BAB 18

KESIMPULAN

Menerusi Inventori Budaya Etnik Dusun Tatana ini, etnik ini telah dikenal pasti menghuni kampung-kampung di daerah Kuala Penyu Sabah iaitu mukim Bundu, Sitimpok dan Mentabawan serta beberapa petempatan kecil di daerah Beaufort iaitu Kampung Klias Kecil dan Kampung Tekuli.

Inventori budaya etnik yang telah dilaksanakan berjaya mengetengahkan beberapa aspek dan ciri budaya Dusun Tatana di Kuala Penyu untuk direkodkan untuk tujuan rujukan akan datang. Ciri-ciri budaya tersebut termasuklah latar belakang etnik, tempat dan sejarah, aktiviti sosioekonomi tradisional, adat istiadat, kepercayaan dan amalan, tarian-tarian tradisi, muzik, pakaian tradisi, perkahwinan, seni bina dan kraf tangan, makanan, permainan dan sukan rakyat, perayaan-perayaan, strata sosial dan nyanyian rakyat.

Keunikan yang terdapat pada ciri-ciri budaya yang boleh dilihat dalam kajian ini termasuklah asal usul Dusun Tatana yang berbeza dengan kebanyakan sub etnik Kadazandusun yang lain yang mengaitkan diri mereka dengan mitos Nunuk Ragang (Shim, 2007). Begitu juga dengan sambutan Tahun Baru Cina iaitu perayaan yang dikongsi bersama dengan etnik Cina di Sabah. Etnik Kadazandusun yang lain tidak merayakan Tahun Baru Cina secara khusus seperti Dusun Tatana yang tinggal di Kuala Penyu.

Fakta-fakta budaya etnik ini telah dihimpunkan sepenuhnya oleh Persatuan Kebudayaan Tatana Sabah dan disunting

oleh Lembaga Kebudayaan Negeri Sabah. Kerjasama dalam menjayakan projek inventori ini merupakan satu usaha murni yang perlu diteruskan pada masa akan datang. Memandangkan banyak lagi aspek budaya yang belum sempat direkodkan kerana beberapa kekangan kajian maka kerjasama dalam merekodkan aspek budaya Dusun Tatana perlu diteruskan.

Maklumat hasil dapatan inventori menjadi rekod penting yang boleh menyokong perkembangan industri pelancongan berasaskan budaya khususnya budaya etnik di negeri Sabah. Dengan adanya rekod dan dokumentasi ini, ia sedikit sebanyak menyokong usaha-usaha pemuliharaan, promosi dan pengayaan sumber rujukan khususnya bagi etnik Dusun Tatana yang masih kekurangan rekod bertulis. Selain itu, inventori ini menjadi bukti kepada kewujudan etnik ini di Sabah khususnya sebagai salah satu etnik Kadazandusun yang penting.

Adalah diharapkan agar penulisan-penulisan berkaitan kebudayaan etnik di Sabah seperti ini akan dapat menyemarakkan lagi penyebaran maklumat budaya kepada semua lapisan masyarakat tanpa mengira latar belakang etnik, keturunan dan agama ke arah pencapaian gagasan 1Malaysia.

ISBN 978-967-10848-8-5

Harga : RM31.00